

**Ban San**

# BAB SATU

## MUNĀSABAH AL-QUR'ĀN.

### 1.1 PENGENALAN

*Munāsabah* adalah salah satu cabang ilmu '*Ulūm al-Qur'ān*. Umumnya ia membicarakan tentang hubungan antara ayat dan antara surah dalam al-Quran. Ilmu ini lahir disebabkan oleh kewujudan *asbāb al-muzūl* yang berbeza-beza pada sesetengah ayat, dan juga disebabkan oleh kajian terhadap urutan ayat-ayat al-Quran.<sup>1</sup> Mengetahui *munāsabah* ayat dan surah adalah salah satu cara untuk memahami maksud yang terkandung di dalam al-Quran. Disamping melihat *i'jāz* yang tersembunyi di sebalik susunan surah, ayat, kalimah dan huruf-hurufnya.

Ini bersesuaian dengan kata-kata al-Kirmānī<sup>2</sup> yang mengatakan bahawa perkara pertama yang perlu dilihat dalam setiap ayat ialah; adakah ia datang untuk menyempurnakan ayat sebelumnya atau adakah ia mampu berdiri dengan sendiri, sekiranya demikian apakah *munāsabah* ayat dengan sebelumnya? Begitu juga surah-surah yang terkandung di dalam al-Quran. Apakah *munāsabah* antara surah sebelum dan selepasnya?<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Maḥy al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ramaḍhān (1996), *al-Jumān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 41.

<sup>2</sup> Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyi (t.t), Muhammad al-Faḍl Ibrāhīm (taḥqīq) *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 37. Lihat juga Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1999), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 452.

## 1.2 DEFINISI MUNĀSABĀH.

### 1.2.1 Dari segi bahasa.

*Munāsabah* (مناسبة) atau kata *jama'nya munāsabāt* (ناسبات) ialah perkataan arab yang berasal dari kata dasar *nasaba* (نسب). Menurut *Lisān al-'Arab al-nasīb* (النسب) bererti satu asal keturunan.<sup>3</sup> Manakala *tanāsaba* (تَنَسَّبَ) bermaksud dua perkara yang menyerupai atau mempunyai persamaan.<sup>4</sup> Dan perkataan *nāsabahu* (نَسَبَهُ) pula membawa maksud menyerupai seseorang yang sama asal keturunan. Manakala *munāsabah* (ناسبة) pula bererti *musyākalah* (مشتاكلة) iaitu menyerupai.<sup>5</sup>

Kesemua makna ini sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Imām al-Zarkasyī di dalam bukunya *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Menurut beliau *al-munāsabah* (الناسبة) ialah *al-muqārabah* (المقارنة).<sup>6</sup> Apabila dikatakan (نَلِدَنْ يَنْسِبُ نَلِدَنْ) ia bererti seseorang itu menyerupainya dan *al-nasīb* (النسب) pula ialah saudara yang mempunyai hubungan keturunan.<sup>7</sup> Imām al-Suyūtī turut mendatangkan

<sup>3</sup> Al-'Allāmah Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, h. 755.

<sup>4</sup> Al-Tāhir Ahmad al-Rāzī (t.t), *Tartīb al-Qāmūs al-Muhiṭ 'alā Tariqah al-Misbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah*, j. 4, c. 2. T.T.P: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāhū, h. 360. Lihat juga Ibrāhīm Muṣṭafā et al. (1986), *al-Mu'jam al-Wasīḥ*, j.1. Turki: Dār al-Da'wah, h. 916.

<sup>5</sup> Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, h. 756.

<sup>6</sup> Al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 35

<sup>7</sup> *Ibid.*

definisi yang sama. *Munāsabah* ( مُنَاسَبَة ) ialah *muqārabah* ( مُقَارَبَة ) atau *musyākalah* ( مُسْكَلَة ) iaitu menyerupai atau mempunyai persamaan.<sup>8</sup>

### 1.2.2 Dari segi istilah.

Menurut Mannā' al-Qatṭān dalam kitabnya *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, *munāsabāt* ialah satu bentuk ikatan yang wujud sama ada dalam satu ayat atau dalam beberapa ayat ataupun ikatan tersebut di antara surah dalam al-Quran.<sup>9</sup> Manakala menurut Imām al-Suyūtī, *al-musyākalah* ( المُسْكَلَة ) dan *al-muqārabah* ( المُقَارَبَة ) adalah merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai ikatan pada maknanya sama ada ikatan tersebut dari segi *am* atau *khas*, *'aqli* atau *ḥissī* atau *khayali* ataupun sebarang bentuk ikatan lain seperti *sabab* dan *musabbab*, *'illah* dan *ma'lūl*, *nazari* dan *ḍid* dan sebagainya.<sup>10</sup>

Merujuk kepada definisi-definisi tersebut, *munāsabāt* / *munāsabah* boleh diistilahkan sebagai bentuk-bentuk hubungkait di antara satu ayat dengan ayat al-Quran yang lain dan bentuk-bentuk pertautan antara satu surah dengan surah yang lain, berdasarkan kepada tertib atur ayat-ayat dan surah-surah di dalam *Muṣḥaf 'Uthmāni*.<sup>11</sup> Hubungkait tersebut seterusnya melahirkan jalinan makna ayat yang sempurna.

<sup>8</sup> Al-Suyūtī (1999), *op.cit.*, h. 452.

<sup>9</sup> Mannā' Al-Qatṭān (2000), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 2. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 97.

<sup>10</sup> Al-Suyūtī, (1999) *op.cit.*, h. 452. Lihat juga al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 35.

<sup>11</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *Kunci mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Shd. Bhd., h. 113. Lihat juga Zāhir bin 'Awwād al-Almā'hi (1985), *Dirāsāt fī al-Tafsīr al-Mawḍū'i li al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadah: T.P, h. 77.

Mendalamai ilmu *munāsabāt* dan mencari hubungan antara ayat dan surah bukan *tawqīf*<sup>12</sup> tetapi sebenarnya ia berpandukan kepada ijтиhad para mufasir dalam menyampaikan mukjizat-mukjizat al-Quran dan mengorek rahsia-rahsia *balāghah* yang terkandung di dalamnya. Sekiranya makna yang diberikan menepati dengan ayat dan jalinan katanya sesuai serta ia tidak bercanggah dengan tatabahasa Arab, maka *munāsabāt* ayat tersebut boleh diterima pakai.<sup>13</sup> Manakala susun atur ayat-ayat al-Quran seperti mana yang dilihat dalam *musḥaf* hari ini adalah *tawqīf* dari Rasulullah s.a.w.<sup>14</sup> Sebahagian besar ulamak berpendapat demikian tidak ragu-ragu lagi mengenainya.<sup>15</sup>

Al-Qādī Abū Bakr Ibn al-Anbārī berkata Allah s.w.t menurunkan al-Quran keseluruhannya ke langit dunia, kemudian diturunkan sedikit demi sedikit selama lebih kurang dua puluh tahun. Penurunan surah adalah disebabkan oleh sesuatu perkara yang terjadi, manakala penurunan ayat adalah untuk menjawab sesuatu persoalan. Jibril telah menetapkan kedudukan ayat dan surah kepada nabi seperti yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t. Barangsiapa yang mendahulukan sesuatu ayat atau mengkemudiankannya daripada susunan asal, maka dia telah merosakkan susunan al-Quran.<sup>16</sup>

Imam al-Kirmānī juga pernah berkata bahawa tertib surah adalah seperti yang terdapat dalam *musḥaf* sekarang. Susunan tersebut adalah dari Allah s.w.t sejak di Luh Mahfuz lagi. Setiap tahun Nabi s.a.w mengulang baca al-Quran

<sup>12</sup> *Tawqīf*, kalam wahyu adalah dari Allah tetapi disampaikan kepada manusia dengan lafadz dari Rasulullah.

<sup>13</sup> Mannā' al-Qattān (2000), *op.cit.*, h. 97.

<sup>14</sup> 'Abd al-Hamid Ibrāhīm Sarhān (1993), *al-Wāḥy wa al-Qur'ān*. Mesir: al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kutṭāb, h. 146. Lihat juga Dr. Zāhir bin 'Awwāḍ al-Almāhī (1985), *op.cit.*, h. 79

<sup>15</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 86. Lihat juga Mūsā Ibrāhīm al-Ibrāhīm (1996), *Buhūth Manhajīyyah fī 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm*, c. 2. Amman: Dār al-'Ammār, h. 58.

<sup>16</sup> Al-Suyūṭī, *ibid.*, h. 89.

mengikut susunan tersebut melainkan pada tahun kewafatannya bacaan baginda diulang sebanyak dua kali.<sup>17</sup> Pendapat ini turut disokong oleh Imām al-Tayyibī. Beliau berkata bahawa al-Quran diturunkan keseluruhannya dari Luh Mahfuz ke langit dunia. Seterusnya ia diturunkan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keadaan semasa. Kemudian ia disusun di dalam *muṣḥaf* sepertimana susunannya di Luh Mahfuz.<sup>18</sup>

Pendapat-pendapat ini adalah yang paling rajih dan diterima oleh sebahagian besar para ulamak.<sup>19</sup> Justeru itu, satu kesimpulan dapat dibuat iaitu tertib susunan *muṣḥaf* seperti yang dilihat sekarang ini tidak sama dengan tertib penurunan al-Quran. Umpamanya surah *al-'Alaq* merupakan surah pertama yang diturunkan tetapi ia diletakkan hampir-hampir di akhir *muṣḥaf* dan didahului oleh surah-surah lain. Apakah hikmah dan rahsia yang tersembunyi di sebalik susunan *muṣḥaf* ini? Inilah antara persoalan menarik yang bakal ditemui jawapannya kalau seseorang itu mengkaji ilmu *munāsabāt al-Qur'ān*.<sup>20</sup> Hakikatnya perbezaan tertib ini disebabkan oleh masing-masing mempunyai objektif yang berbeza.<sup>21</sup>

Keseluruhannya, dapat disimpulkan di sini bahawa *munāsabah* adalah satu ilmu yang berperanan menyingkap sebab-sebab tertib-atur surah di dalam al-Quran pada hari ini berbeza daripada tertib semasa ia diturunkan kepada

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid*

<sup>19</sup> Namun demikian terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa susunan surah di dalam *muṣḥaf* sekarang bukan *tawqīfi* dari Nabi s.a.w., tetapi ia merupakan ijtihad para sahabat. Pendapat ini hanya disokong oleh segelintir ulamak sahaja. Lihat 'Abd al-Hamid Ibrāhīm Sarḥān (1993), *op.cit.*, h. 146.

<sup>20</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 113.

<sup>21</sup> Al-Suyūṭī (1986), 'Abd al-Qādir Aḥmad 'Atā (taḥqīq), *Tanāsuq al-Durār fī Tanāsub al-Suwar*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3.

Rasulullah s.a.w.<sup>22</sup> Disamping menjadikan *kalām* Allah boleh difahami dengan mudah dengan mencari titik pertemuan dan persamaan antara satu topik dengan topik yang lain.<sup>23</sup> Lantaran itu, ia dapat menyanggah tanggapan umum manusia terhadap *kalām* Allah yang kononnya terpotong-potong, serta berpindah dari satu topik kepada topik yang lain menyebabkan al-Quran sukar difahami.<sup>24</sup>

### 1.3 FAKTOR-FAKTOR KEWUJUDAN *MUNĀSABAH* ( أنساب المناسبة )

Kewujudan *munāsabah* dalam al-Quran disebabkan oleh beberapa faktor. Imām al-Suyūṭī dan Imām al-Zarkasyī menerangkan bab ini dengan penuh terperinci disamping huraian ayat-ayat al-Quran yang dijadikan contoh dalam setiap fakta yang diberikan. Menerusi huraian mereka di dalam *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qu'rān* dan *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qu'rān*, kewujudan *munāsabah* disebabkan oleh hubungkait atau pertautan antara ayat dengan ayat yang lain atau antara surah dengan surah yang lain sama ada pertautan tersebut secara jelas atau tidak jelas.<sup>25</sup>

#### 1.3.1 Pertautan yang jelas

Mencari *munāsabah* dalam bahagian ini tidak memerlukan penelitian yang mendalam kerana ia sudah jelas. Pertautan tersebut termasuklah *al-ta'kīd*, *al-*

<sup>22</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 113.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 114.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 113-114.

<sup>25</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h 452. Lihat juga al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h 40.

*tafsīr*, *al-i'tirād* dan *al-badal*.<sup>26</sup> Justeru, apabila sesuatu ayat datang dalam salah satu bentuk ini, secara langsung ia berkait dengan ayat-ayat sebelumnya.

### 1.3.1.1 *al-Ta'kid* ( التأكيد )

Firman Allah s.w.t:

وَقَالَ الَّذِي آمَنَ يَأْتُونِي أَهْدِكُمْ سَبِيلَ الرَّشادِ (38) يَأْتُونِمْ إِنَّمَا هَذِهِ  
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرْرَارِ (39)

Maksudnya: *Dan berkatalah pula orang beriman itu: "Wahai kaumku! Turutlah (nasihatku), aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar. "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal.*

Surah Ghāfir (40): 38-39

Dalam contoh ini ayat kedua datang untuk menguatkan dan mengukuhkan lagi ayat pertama. *Sabi'l al-rasyād* ( سَبِيل الرَّشاد ) di sini membawa maksud hidayah yang membawa ke syurga iaitu tempat tinggal yang kekal abadi. Manakala lafaz ( تَوْكِيد ) yang diulang dua kali merupakan *tawkiid lafzi*.<sup>27</sup>

<sup>26</sup> Muhammad Ahmad Yūsuf al-Qāsim (1979), *al-Ijāz al-Bayān fī Tartīb Āyat al-Qur'ān al-Karīm wa Suwārihi*. T.T.P: T.P, h. 312.

<sup>27</sup> *Ibid.*

### 1.3.1.2 *al-Tafsīr* (التفسير)

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوْعًا (19) إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ حَزْوَعًا (20) وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ  
مُتَّوِعًا (21)

*Maksudnya: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah; Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut.*

Surah al-Ma'ārij (70): 19-21

Ayat 20 dan 21 dalam surah *al-Ma'ārij* ini mentafsirkan kalimah ( هَلُوْعًا )

dalam ayat 19.<sup>28</sup>

### 1.3.1.3 *al-I'tirād* (الاعراض)

Firman Allah s.w.t:

فَلَا أَقْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ (75) وَلَئِنْ لَقَسَمْتُ لَنْ تَمَلَّمُونَ عَظِيمٌ (76)

*Maksudnya: Maka Aku bersumpah: Demi tempat-tempat dan masa-masa turunnya bahagian-bahagian Al-Quran. Dan sebenarnya sumpah itu adalah sumpah yang besar, kalaaulah kamu mengetahuinya.*

Surah al-Wāqi'ah (56): 75-76

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 313.

وَإِنَّهُ لَفَسْمٌ ( فَلَا أَفِيمُ بِمَوَاقِعِ الْحُجُومِ ) Ayat diperluaskan maknanya dengan ayat kedua

( لَوْلَا تَمْتَنُونَ عَظِيمًا ). Kedua-dua ayat ini dibicarakan dalam bab *al-qasam* ( القسم ) dan

*jawāb al-qasam* ( حواب القسم ).<sup>29</sup>

### 1.3.1.4 *al-Badal* ( البَدَال )

Firman Allah s.w.t:

... وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (52) صِرَاطُ اللَّهِ ...

Maksudnya: Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus. Iaitu jalan Allah...

Surah al-Syūrā (42): 52-53

FirmanNya lagi:

اَهْدَنَا الصُّرُّاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطُ الدِّينِ اَنْعَنْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالُّونَ (7)

Maksudnya: Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

Surah al-Fātiḥah (1): 6-7

Ayat kedua dari surah *al-Fātiḥah* menjelaskan kesamaran yang terdapat di dalam ayat pertama dari surah *al-Syūrā* di mana ayat tersebut hanya menyebut jalan yang lurus ( صِرَاطُ اللَّهِ ) iaitu jalan Allah ( صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ). Ia terlalu umum untuk difahami. Maka ayat kedua datang untuk menjelaskan kesamaran tersebut dalam bentuk *ta'kīd*.<sup>30</sup>

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

### 1.3.2 Pertautan yang tidak jelas.

Iaitu pertautan antara ayat dengan ayat atau antara surah dengan surah tidak jelas kelihatan, malah ia memerlukan pemerhatian yang agak teliti. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu:

(i) *al-ma'tūf* (المُنْظَفُ)

(ii) *ghayr al-ma'tūf* (غَيْرِ الْمُنْظَفِ)<sup>31</sup>

#### 1.3.2.1 *al-Ma'tūf* (المُنْظَفُ)

Iaitu ayat-ayat dihubungkan dengan huruf '*atāf*'<sup>32</sup> yang menjadikannya saling bertautan antara satu sama lain. Faedahnya adalah untuk meletakkan ayat-ayat tersebut pada satu hukum yang sama dengan ayat sebelumnya.<sup>33</sup> Contoh-contoh perbincangan bab ini lebih tertumpu kepada ayat-ayat al-Quran yang melibatkan *al-muṭābaqah* (المطابقة) dan *al-muqābalah* (المقابلة).<sup>34</sup> Umpamanya firman Allah s.w.t:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَأَتَقَى (5) وَصَدَقَ بِالْحُسْنَى (6) فَسَتَيْسِرَةُ لِلْيُسْرَى (7)  
وَأَمَّا مَنْ يَبْخَلُ وَاسْتَغْنَى (8) وَكَذَبَ بِالْحُسْنَى (9) فَسَتَيْسِرَةُ لِلتُّعْسَرَى  
(10)

*Maksudnya: Jelasnya: adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya). Serta ia mengakui dengan yakin akan perkara*

<sup>31</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 453. Lihat juga al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 40-50.

<sup>32</sup> '*atāf*' adalah kata hubung dalam kaedah nahu Bahasa Arab di mana hukum perkataan selepas huruf ini sama dengan hukum perkataan sebelumnya. Antara huruf-hurufnya ialah (ج) dan (ف).

<sup>33</sup> Muhammad Ahmad Yūsuf al-Qāsim (1979), *op.cit.*, h 315.

<sup>34</sup> *Ibid.*

*yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya. Serta ia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.*

Surah al-Lail (92): 5-10

*Munāsabah* ayat ini dilihat dalam konteks *al-muṭābaqah* (المطابقة). Ayat-ayat ini menceritakan tentang dua golongan yang berlawanan sifat dan sikap yang memerlukan balasan masing-masing berdasarkan kelakuan mereka. Perihal dua golongan ini dihubungkan dengan huruf 'atāf (اٰتاف) iaitu pada lafaz (لَاٰتاف). Kesatuan ayat-ayat ini dilihat melalui penggunaan kalimah-kalimahnya yang disusun rapi. Kalimah (صَدْقَى بِالْحُسْنَى) (أَعْظَمَى) dan (أَنْفَقَى) (أَبْشَرَى) disatukan dengan kalimah (الْمُسْرِي) yang disatukan dengan menerangkan tentang golongan yang bertuah di sisi Allah s.w.t. Manakala golongan sebaliknya dijelaskan melalui kalimah (كَذَّبَ بِالْحُسْنَى) (أَسْتَهْنَى) dan (بَحَلَّ) yang merupakan lawan bagi kalimah-kalimah dalam ayat sebelumnya.

### 1.3.2.2 *Ghayr al-Ma'ṭīf* (غير المقطوف)

Manakala *ghayr al-ma'ṭīf* ialah keadaan yang bertentangan dengan *al-ma'ṭīf*. Ayat-ayat dalam bahagian ini tidak dihubungkan dengan huruf 'atāf yang menjadikan ia saling bertautan. Bahkan mencari *munāsabah* dalam bahagian ini memerlukan pemerhatian lebih teliti. Ini kerana *munāsabah* dilihat melalui hubungan *ma'nawī* bukan secara *lafzī* seperti dalam bahagian *al-ma'ṭīf*. Oleh yang demikian Imām al-Suyūṭī telah mengatakan bahawa mencari *munāsabah*

ayah dalam bahagian ini bergantung kepada *Qarā'in ma'nawiyyah* (قرائن مُنتوية) (

yang dilihat dari aspek berikut:

- *al-tanzir* (التنظير)
- *al-muḍkiddah* (المصاددة)
- *al-istiṭrād* (الاستطراد)
- *ḥusn al-takhalluṣ* (حسن التخالص)
- *ḥusn al-maflab* (حسن المطلب)<sup>35</sup>

#### (i) *al-Tanzir* (التنظير)

*Al-tanzir* (التنظير) ialah melihat hubungan dan pertautan antara ayat melalui persamaan yang wujud antaranya. Contohnya firman Allah s.w.t:

كَمَا أَخْرَجَكُمْ رُبُوكُمْ مِنْ بَيْتِكُمْ بِالْحَقِّ وَإِنْ فَرِيقًا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَكَارِهُونَ (5)  
يُخَادِلُوكُمْ فِي الْحَقِّ بَعْدَ مَا تَبَيَّنَ كَمَا سِعِنَ إِلَى الْمَوْتِ وَهُمْ يَنْظُرُونَ

*Maksudnya: Sebagaimana (harta rampasan perang ditentukan pembahagiannya dengan kebenaran, maka) Tuhanmu (wahai Muhammad) mengeluarkanmu dari rumahmu (untuk pergi berperang) dengan kebenaran juga, sedang sebahagian dari orang-orang yang beriman itu (sebenarnya) tidak suka (turut berjuang). Mereka membantahmu tentang kebenaran (berjihad) setelah nyata (kepada mereka kemenangan yang engkau janjikan), seolah-olah mereka dihalau kepada kematian, sedang mereka melihat (sebab-sebabnya).*

Surah al-Anfāl (8): 5-6

Dalam ayat 5 surah ini Allah memerintahkan Rasulullah s.a.w membahagikan harta rampasan perang dengan cara yang telah ditetapkanNya.

<sup>35</sup> Al-Suyū'i (1999), *op.cit.*, h. 453-454. Lihat juga Mūsā Ibrāhīm al-Ibrāhīm (1996), *op.cit.*, h. 233-234. Lihat juga Muhammad al-Šādiq Qamhāwī (1980), *al-I'jāz al-Bayān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Maktabah 'Ālim al-Fikrī, h. 151-154.

Tetapi kaum muslimin tidak menyukai cara pembahagian tersebut. Demikian juga keadaan mereka ketika Allah memerintahkan jihad di dalam ayat 6 di mana mereka enggan melaksanakan seruan tersebut. Sebenarnya mereka tidak sedar bahawa keluar berjihad dan membahagikan harta rampasan perang seperti yang Allah tetapkan adalah untuk kemenangan Islam dan untuk mendidik kerakusan hawa nafsu mereka.<sup>36</sup> Persamaan sikap mereka terhadap perintah Allah s.w.t dalam kedua-dua ayat tersebut merupakan *munāsabah* bagi kedua-dua ayat ini.

(ii) *al-Mudāddah*. (المُدَّادَةُ)

Manakala *al-mudāddah* pula ialah melihat hubungan dan pertautan antara ayat melalui pertentangan yang wujud antaranya. Umpamanya firman Allah s.w.t dalam surah *al-Baqarah* yang membandingkan golongan mukmin dan golongan kafir.

إِنَّمَا (1) ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رِبَّ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ (2) الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ  
وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ (3) وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِمْ  
وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالآخِرَةِ هُمْ بُوْقُونَ (4) أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدَىٰ مِنْ رَبِّهِمْ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (5) إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سُوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنْذَرْنَاهُمْ أَمْ لَمْ  
تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ (6) خَتَّمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَنْصَارِهِمْ  
غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ (7)

*Maksudnya: Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu*

<sup>36</sup> Al-Suyūtī, *ibid.*, h. 453.

*daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lahir orang-orang yang berjaya. Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.*

Surah al-Baqarah (2): 1-7

Di awal surah ini diceritakan mengenai al-Quran yang dijadikan pedoman dan hidayah bagi orang-orang yang beriman. Kemudian ayat-ayat seterusnya menerangkan perihal orang yang benar-benar beriman kepadaNya dan orang-orang yang mengingkariNya.<sup>37</sup> Perbandingan dua golongan yang berlawanan sifat ini merupakan *munāsabāt* bagi ayat-ayat tersebut. Metode ini seringkali digunakan dalam al-Quran bertujuan mentarbiah manusia dengan mengajak mereka menyucikan diri dengan sifat-sifat mulia dan menghindari daripada sifat-sifat sebaliknya serta mengharapkan nikmat syurga dan menjauhi azab neraka.<sup>38</sup>

### (iii) *Al-Istīrād* (الاسترداد)

*Munāsabah* ayat juga dilihat menerusi *al-istīrād* iaitu keadaan ayat yang menyebut maknanya sekadarnya sahaja, kemudian meninggalkannya seolah-olah ia tidak diperlukan dan kembali kepada maknanya yang asal.<sup>39</sup> Contohnya firman Allah s.w.t:

يَأَيُّهَا آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سَوَاتِكُمْ وَرِيشَتَا وَلِبَاسُ الْقَوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ تَعَالَى هُمْ بِذَكْرِهِونَ (26)

<sup>37</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Zarkasyi (t.t), *op.cit.*, h. 49.

<sup>38</sup> Müsa Ibrāhīm al-Ibrāhīm (1996), *op.cit.*, h. 233.

<sup>39</sup> Zāhir bin ‘Awwād al-Almā’ī (1985), *op.cit.*, h. 101. Lihat juga al-Suyū’i (1999), *op.cit.*, h. 454. Lihat juga al-Zarkasyi (t.t), *op.cit.*, h. 49.

*Maksudnya: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).*

Surah al-A'rāf (7): 26

Dalam ayat ini Allah s.w.t menyeru anak-anak Adam supaya menutup aurat dengan pakaian kurniaaNya. Kemudian disebut dengan sekadarnya sahaja mengenai pakaian takwa yang merupakan sebaik-baik pakaian. Setelah itu ayat tersebut kembali menceritakan tentang kurniaan Allah s.w.t dan kekuasaanNya.

Perihal pakaian takwa yang disebut sepantas lalu seolah-olah ia tidak penting. Tetapi sebenarnya ia berkait rapat dengan ayat sebelumnya. Ini kerana menutup aurat merupakan salah satu perkara yang diperlukan dalam memiliki sifat takwa.<sup>40</sup>

#### (iv) *Husn al-Takhallus* (حسن التخلص)

*Husn al-takhalluṣ* pula ialah melihat *munāsabah* ayat menerusi perpindahan satu makna kepada satu makna dalam menyampaikan maksud sesuatu ayat di mana perpindahan tersebut tidak disedari oleh pendengar kerana jalinan yang kuat antara makna-makna tersebut.<sup>41</sup> Jalinan ini dapat dilihat dalam ayat 87-89 surah *al-Syu'arā'*.

<sup>40</sup> Abī al-Qāsim Jār Allāh Māhmūd bin 'Umar al-Zamakhsyārī (1972), *al-Kasyṣyāf 'An Haqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta'wīl*, j. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, h. 74.

<sup>41</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 454.

وَلَا تُخْزِنِي يَوْمَ يَعْنَوْنَ (87) يَوْمَ لَا يَنْقَعُ مَالٌ وَلَا بَئْنَوْنَ (88) إِلَّا مَنْ أَنِي  
اللَّهُ يَعْلَمُ سَلِيمٌ (89)

Maksudnya: "Dan janganlah engkau hinakan daku pada hari makhluk-makhluk dibangkitkan hidup semula. "Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. "Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).

Surah al-Syu'arā' (26): 87-89

Perpindahan makna ayat tanpa kita sedari iaitu dari ungkapan doa dan harapan (يَوْمَ لَا يَنْقَعُ مَالٌ وَلَا بَئْنَوْنَ) kepada gambaran hari kebangkitan (وَلَا تُخْزِنِي يَوْمَ يَعْنَوْنَ) dan seterusnya gambaran balasan yang disediakan untuk orang-orang yang berjaya (إِلَّا مَنْ أَنِي اللَّهُ يَعْلَمُ سَلِيمٌ) merupakan *munāsabah* bagi ayat-ayat di atas.<sup>42</sup> Makna-makna ayat tersebut dilihat seolah-olah berangkai kemudian digabungjalinkan sehingga menghasilkan satu maksud ayat yang sempurna dan kukuh. Perpindahan makna berlaku tanpa disedari kerana kekuatan jalinan makna-maknanya. *Ushūl* yang digunakan juga mudah untuk difahami.<sup>43</sup> Bahkan tidak wujud kejanggalan antara ayat tersebut.

#### (v) *Husn al-Maṭlab* (حسن المطلب)

Hubungan antara ayat juga dilihat melalui kaedah *husn al-maṭlab* iaitu menyampaikan satu maksud ayat melalui satu wasilah yang bersesuaian dengan objektif ayat tersebut.<sup>44</sup> Ini adalah adab berbicara yang diajar dalam al-Quran.<sup>45</sup> Umpamanya firman Allah s.w.t:

<sup>42</sup> Müsä Ibrāhīm al-Ibrāhīm (1996), *op.cit.*, h. 235.

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 234.

<sup>45</sup> *Ibid.*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَانِ  
 الرَّحِيمِ (3) مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِنُ (5) اهْدِنَا  
 الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْصُوبِ عَلَيْهِمْ  
 وَلَا الضَّالُّينَ (7)

*Maksudnya: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*

Surah al-Fatiha (1): 1-7

Susun atur ayat-ayat dalam surah ini menunjukkan bagaimana Allah s.w.t mengajar hambaNya meminta dan mengharapkan sesuatu dariNya. Ia didahului dengan puji-pujian (الحمد ) kepadaNya yang merupakan wasilah untuk mendapat hidayah Allah s.w.t. (اهدى الصراط المستقيم )<sup>46</sup>

#### 1.4 JENIS-JENIS MUNĀSABAH

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Mannā' al-Qaṭṭān, umumnya *munāsabah* boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu *munāsabah* antara ayat dan *munāsabah* antara surah. Manakala Mūsā Ibrāhīm al-Ibrāhīm membahagikannya kepada tiga jenis iaitu *munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutupnya, *munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutup surah sebelumnya dan

---

<sup>46</sup> Ibid.

*munāsabah* antara nama surah dengan isi kandungannya.<sup>47</sup> Pembahagian ini dilihat dari konteks yang lebih sempit.

Merujuk kepada kedua-dua pendapat ini, penulis telah membahagikan *munāsabah* kepada tiga jenis iaitu:

- *Munāsabah* antara ayat
- *Munāsabah* antara surah
- *Munāsabah* antara nama surah dengan isi kandungannya

#### 1.4.1 *Munāsabah* antara ayat

*Munāsabah* dalam konteks ini pula dapat dibahagikan kepada dua:

- *Munāsabah* antara *jumlah*<sup>48</sup>
- *Munāsabah* antara ayat

##### 1.4.1.1 *Munāsabah* antara *jumlah*

Dalam satu ayat al-Quran mungkin terdapat satu *jumlah* sahaja dan mungkin juga beberapa *jumlah*. *Munāsabah* bukan sahaja berlaku antara ayat-ayat al-Quran bahkan antara *jumlah* yang terdapat dalam satu ayat. Umpamanya dalam firman Allah s.w.t:

يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَرِلُّ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا  
وَهُوَ الرَّحِيمُ الْغَفُورُ (2)

<sup>47</sup> Lihat *Ibid.*, h. 234-236.

<sup>48</sup> *Jumlah* ialah perkataan Arab yang bermaksud ayat. Ia terdiri daripada subjek dan predikat.

*Maksudnya: Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya, dan apa yang turun dari langit serta apa yang naik kepadanya; dan Dia lah jua yang Maha Mengasihani, lagi Maha Pengampun.*

Surah Sabā' (34): 2

Terdapat lima *jumlah* di dalam ayat ini di mana perkataan yang digunakan dalam empat *jumlah* yang pertama menunjukkan wujud pertautan antara jumlah tersebut, iaitu menerusi penggunaan perkataan yang berlawanan dalam menerangkan sifat Allah s.w.t. Perkataan (بلج) berlawanan dengan (﴿بَلْ﴾), (﴿بَلْ﴾) dengan (﴿بِلْ﴾) dan (﴿السَّمَاء﴾) dengan (﴿الْأَرْض﴾).<sup>49</sup>

*Ushūb* seperti ini seringkali kita lihat dalam al-Quran. Ia merupakan *uslūb* pentarbiahan manusia. Contohnya disebut tentang neraka selepas syurga dan azab selepas rahmat. *Ushūb* yang digunakan ini merupakan *uslūb* pemangkin dalam melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t dan meninggalkan segala laranganNya.<sup>50</sup>

#### 1.4.1.2 *Munāsabah* antara ayat

*Munāsabah* antara ayat pula ialah *munāsabah* yang bukan berlaku dalam satu ayat sahaja tetapi ia melibatkan beberapa ayat al-Quran. Umpamanya firman Allah s.w.t:

أَفَلَا يَتَظَرُونَ إِلَى الْأَيَلِ كَيْفَ خُلِقُتْ (17) وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ (18) وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ ثُصِبَتْ (19) وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ (20)

<sup>49</sup> Al-Suyū'i (1999), *op.cit.*, h. 453.

<sup>50</sup> *Ibid.*

*Maksudnya: (Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?*

Surah al-Ghāsyiyah (88): 17-20

Perkataan (الستاء) (الليل) dan (النهار) adalah merujuk kepada kehidupan kaum Arab Badwi. Kehidupan mereka banyak bergantung kepada unta (الليل) kerana mereka perolehi banyak manfaat dari ternakan tersebut. Penjagaan terhadap ternakan tersebut bersumberkan air hujan yang telah menyuburkan tanaman-tanaman mereka. Oleh sebab itu mereka sentiasa mengongak ke langit (النسمة). Di samping itu mereka juga memerlukan tempat tinggal untuk berteduh. Bukit (الجبل) merupakan sebaik-baik dan seteguh-teguh tempat tinggal. Keperluan mereka terhadap rumput dan air telah memaksa mereka berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dari tanah (الأرض) yang kering kontang ke tanah yang lebih subur.<sup>51</sup>

#### 1.4.2 *Munāsabah* antara surah

*Munāsabah* antara surah juga terdiri daripada beberapa bahagian. Ia bergantung kepada jenis-jenis pertautan antara surah-surah tersebut. Terdapat pelbagai jenis pertautan surah dalam al-Quran, tetapi penulis hanya menyebut beberapa bahagiannya sahaja. Antaranya:

<sup>51</sup> Mannā' al-Qattān (2000), *op.cit.*, h. 98-99.

- *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan pembukaan surah sebelumnya.
- *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutup surah sebelumnya.
- *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutupnya.
- *Badi' al-muqābalāt* (بَدْيُ الْمُقَابِلَاتْ) antara surah.<sup>52</sup>

#### **1.4.2.1 *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan pembukaan surah sebelumnya.**

Contohnya *munāsabah* antara pembukaan surah *al-Isrā'* dengan pembukaan surah *al-Kahfī*. Firman Allah sw.t:

سُبْحَانَ اللَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَى... (1)

*Maksudnya: Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin)...*

Surah al-Isrā'(17) : 1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ... (1)

*Maksudnya: Segala puji bagi Allah yang telah memurunkan kepada hambaNya (Muhammad), Kitab suci Al-Quran...*

Surah al-Kahfī (18) : 1

---

<sup>52</sup> Untuk maklumat terperinci sila lihat Muhammad Ahmad Yūsuf al-Qāsim (1979), *op.cit.*, h. 392-422

*Munāsabah* kedua-dua surah ini dilihat pada pembukaan surahnya di mana didahului lafaz *al-tasbih* dari *al-tahmīd*. Sepertimana kita ketahui, lafaz *al-tasbih* biasanya mendahului lafaz *al-tahmīd* (الحمد لله).<sup>53</sup>

#### 1.4.2.2 *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutup surah sebelumnya.

Contohnya *munāsabah* antara penutup surah *al-A'raf* dengan pembukaan surah *al-Anfāl*. Firman Allah s.w.t:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتِمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لِعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ (204)

Maksudnya: *Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.*

Surah al-A'raf (7): 204

Di akhir surah *al-A'raf* ini Allah s.w.t menerangkan adab mendengar bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan faedah menghayatinya. Bahkan diajar juga supaya menghayati al-Quran dengan mata hati bukan sekadar mendengarnya sahaja tanpa memberi apa-apa kesan. Mendengar dan menghayati ayat-ayat tersebut biarlah mampu meningkatkan keimanan dan rasa takut kepada Allah s.w.t. Oleh sebab itu sifat-sifat orang beriman telah dinyatakan di awal surah *al-Anfāl*<sup>54</sup> sebagaimana firmanNya:

إِنَّا لِمُؤْمِنَوْنَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرَ اللَّهُ وَجَلَّ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا ثُلِيتَ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادُهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (2)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila

<sup>53</sup> Al-Zarkasyi (t.t), *op.cit.*, h. 39.

<sup>54</sup> Muhammad Ahmad Yusuf al-Qasim (1979), *op.cit.*, h. 411.

*dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.*

Surah al-Anfāl (8): 2

*Munāsabah* dalam konteks ini juga dapat dilihat di antara surah *al-Wāqi'ah* dan surah *al-Hadīd* sebagaimana firmanNya:

فَسُبْحَانِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ (96)

*Maksudnya: Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Besar.*

Surah al-Wāqi'ah (58) : 96

سَبِّحْ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ أَعْزِيزُ الْحَكَمِ (1)

*Maksudnya: Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah; dan Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Surah al-Hadīd (57) : 1

*Munāsabah* antara kedua-dua surah ini dilihat dari konteks ‘tasbih memuji Allah s.w.t’. Surah *al-Wāqi'ah* diakhiri dengan perintah bertasbih dengan menyebut nama Tuhan yang Maha Esa, manakala permulaan surah *al-Hadīd* menceritakan tentang apa yang ada di langit dan di bumi bertasbih kepada Allah s.w.t.<sup>55</sup>

#### **1.4.2.3 *Munāsabah* antara pembukaan surah dengan penutupnya.**

*Munāsabah* dalam bentuk ini boleh dilihat dalam surah *al-Qaṣṣās* yang mana ia dilihat pada persamaan yang wujud antara kisah Musa dan kisah Muhammad s.a.w. Pada pembukaan surah tersebut Allah s.w.t menceritakan

<sup>55</sup> Al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 38.

tentang kisah kemenangan Musa menghadapi musuh dan penghijrahannya meninggalkan tanah air.<sup>56</sup> Allah s.w.t merakamkan doanya di dalam al-Quran:

فَالرَّبُّ بِمَا أَنْعَمْتَ عَلَيَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا لِلْمُخْرِجِينَ (17)

*Maksudnya: Ia merayu lagi: "Wahai Tuhanmu, demi nikmat-nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku, (peliharalah daku) supaya aku tidak akan menjadi penyokong kepada golongan yang bersalah".*

Surah al-Qaṣāṣ (28): 17

Manakala di akhir surah ini Allah s.w.t menyatakan janjiNya untuk mengembalikan Muhammad s.a.w ke Mekah sebagai orang yang menang selepas penghijrahan baginda. Malah turut dinyatakan juga laranganNya terhadap Muhammad untuk menjadi penolong bagi orang-orang kafir<sup>57</sup> sebagaimana firmanNya:

فَلَا تَكُونُنَّ ظَهِيرًا لِلْكَافِرِينَ (86)

*Maksudnya: ...oleh itu janganlah engkau menjadi penolong orang-orang kafir.*

Surah al-Qaṣāṣ (28): 86

Antara lainnya, firman Allah s.w.t pada pembukaan surah *al-Mu'minūn*:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (1)

*Maksudnya: Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman.*

Surah al-Mu'minūn (23) : 1

Dan firmanNya lagi di akhir surah tersebut.

إِنَّمَا لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ (117) ...

<sup>56</sup> Muhammad Ahmad Yusuf al-Qasim (1979), *op.cit.*, h. 409.

<sup>57</sup> Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *op.cit.*, h. 99.

*Maksudnya: ...Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya.*

Surah al-Mu'minūn (23): 117

*Munāsabah* antara pembukaan dan penutup surah ini ialah penjelasan dua keadaan yang bertentangan iaitu kejayaan orang-orang beriman dan kegagalan orang-orang kafir.<sup>58</sup>

#### 1.4.2.4 *Badi' al-muqābalat* (بدع المقابلات) antara surah.

*Munāsabah* dalam bentuk ini dapat dilihat melalui perbandingan antara surah *al-Mā'un* dan surah *al-Kawthar*. Firman Allah s.w.t dalam kedua-dua surah ini:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ (1) فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتَمَ (2) وَلَا يَحْضُرُ عَلَى طَعَامِ الْمُسْكِنِينَ (3) فَوَيْلٌ لِلْمُصْلِينَ (4) الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ (5) الَّذِينَ هُمْ بِرَاعُونَ (6) وَبِتَمَّوْنَ الْمَاعُونَ (7)

*Maksudnya: Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang - (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya; (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya). Dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).*

Surah al-Mā'un (107) : 1-7

إِنَّا أَعْطَيْتُكَ الْكَوْثَرَ (1) فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْجِزْ (2) إِنْ شَاءْتَكَ هُوَ الْأَكْبَرُ (3)

*Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia*

<sup>58</sup> Al-Suyū'i (1999), *op.cit.*, h. 456.

dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya).

Surah al-Kawthar (108): 1-3

Perbandingan yang didatangkan oleh Allah s.w.t antara surah *al-Mā'ūn* dan surah *al-Kawthar* amat menarik. Kesenian dan kehalusan susunan al-Quran jelas kelihatan apabila Allah s.w.t menyebut empat sifat orang munafik di dalam surah *al-Mā'ūn* iaitu bakhil, lalai dalam solat, riyak dan enggan menunaikan zakat dan dibandingkan dengan dengan ayat-ayat dalam surah selepasnya iaitu *al-Kawthar*.

Sifat bakhil dibandingkan dengan nikmat Allah yang melimpah ruah terhadap hamba-hambaNya iaitu kalimah (الكَوْثَرُ). Manakala sifat lalai dalam solat dibandingkan dengan kalimah (نَفْسٌ) iaitu gesaan mendirikan solat. Sifat riyak pula dibandingkan dengan perkataan (رِيَاكٌ) iaitu sesuatu amalan yang dilakukan adalah untuk mendapat keredaan Allah s.w.t bukan untuk mencari pujian atau kemasyhuran di kalangan manusia. Dan sifat enggan membayar zakat dibandingkan dengan perkataan (زَكْرٌ) iaitu berkorban harta ke jalan Allah sebagai tanda mensyukuri nikmatNya.<sup>59</sup>

<sup>59</sup> Al-Zarkasyī (t.1), *op.cit.*, h: 39. Lihat juga al-Suyūṭī, *ibid.*, h. 457.

#### **1.4.3 *Munāsabah* antara nama surah dengan isi kandungannya.**

Setiap nama surah di dalam al-Quran mempunyai maknanya tersendiri. Nama-nama yang diberikan sememangnya bersetujuan dengan isi kandungan surah tersebut. Saudara Zulkifli Hj Mohd Yusoff telah mendatangkan satu contoh yang amat terperinci mengenai *munāsabah* dalam bentuk ini. Menurut beliau nama surah *al-Mā'idah* amat sesuai dengan kisah-kisah yang terkandung di dalamnya. Tajuk surah *al-Mā'idah* bolehlah dikatakan sebagai iltizam (berterusan patuh) terhadap syariat Allah s.w.t dan terikat dengan ikatan-ikatannya. Antara kisah-kisah yang dikemukakan dalam surah tersebut ialah kisah Nabi Musa a.s bersama Bani Israil, kisah dua orang anak nabi Adam a.s dan kisah *al-Mā'idah* yang merupakan salah satu mukjizat Nabi Isa a.s yang dipersembahkan oleh Allah s.w.t kepada Rasulullah s.a.w dan para pengikutnya.<sup>60</sup>

Dalam kisah pertama Allah s.w.t mendedahkan penyelewengan dan tidak iltizam kaum Yahudi terhadap syariat Allah s.w.t. Bukan sekadar itu sahaja, malahan mereka menyombong diri enggan mengikuti perintah Allah s.w.t.<sup>61</sup> Penyelewengan tersebut dirakamkan ketika mereka memberontak terhadap seruan nabi Musa a.s untuk memasuki Bait al-Maqdis (Palestin) sebagaimana firmanNya dalam al-Quran:

قَالُوا يَا مُوسَى إِنَّا لَنْ نَذْخُلُهَا أَبْدًا مَا دَامُوا فِيهَا فَادْعُهُ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَاتَلَ إِنَّ  
مَاهُنَا قَاعِدُونَ (24)

*Maksudnya: Mereka (menolak dengan) berkata: "Wahai Musa, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya; oleh itu*

<sup>60</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h 117.

<sup>61</sup> *Ibid.*

*pergilah engkau bersama Tuhanmu dan perangilah mereka.  
Sebenarnya kami di sinilah duduk menunggu”.*

Surah al-Mā'idah (5): 23

Manakala kisah kedua pula ialah tentang dua orang anak Adam a.s. *Munāsabah* ini menggambarkan bagaimana penyelewengan terhadap syariat Allah s.w.t boleh berlaku. Ia disebabkan oleh seorang anak Adam yang derhaka kepada Allah apabila Allah menolak korbannya.<sup>62</sup> Perseteruan itu terjadi antara kedua-dua anak Adam tersebut dan ia membawa kepada peristiwa pertama yang paling tragis dalam sejarah manusia, iaitu pembunuhan yang dilakukan oleh salah seorang anak Adam tersebut. Rentetan tragedi ini adalah gambaran kepada perseteruan antara golongan mukmin dan golongan kafir di mana apabila berada dalam keadaan begini golongan kafir adalah golongan yang selalu hilang pedoman dan mudah hilang pertimbangan dan kewarasan diri.<sup>63</sup>

Kemudian surah ini diakhiri dengan penceritaan kisah *al-Mā'idah* iaitu hidangan yang disajikan oleh Allah s.w.t kepada pengikut Nabi Isa a.s. Kisah ini merupakan gambaran terhadap muslim yang soleh dan beriltizam dengan syariat Allah s.w.t. Mereka adalah *Hawariyyūn* Nabi Isa a.s iaitu pengikut setia Nabi Isa a.s.<sup>64</sup> Kisah ini disebut bertujuan untuk membandingkan antara *Hawariyyūn* Nabi Isa dengan *Hawariyyūn* Nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah bagi memperjelaskan bahawa sesama golongan yang taat dan beriltizam itu pun masih terdapat perbezaan tingkatan di sisi Allah s.w.t.<sup>65</sup>

---

<sup>62</sup> *Ibid.*

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> *Ibid.*

*Hawariyyūn* Nabi Isa a.s sekalipun telah beriman dan beriltizam tetapi masih mendesak nabi mereka untuk menunjukkan mukjizatnya. Ini berbeza sama sekali dengan *Hawariyyūn* Nabi Muhammad s.a.w yang telah mendapat puncaran iman, tidak meminta sebarang mukjizat dan telah memadai bagi mereka mukjizat al-Quran.<sup>66</sup>

## 1.5 PENDAPAT ULAMAK MENGENAI *MUNĀSABAH*

Pada dasarnya ilmu ini tidak diberi penekanan oleh para ulamak. Ia pertama kali diketengahkan oleh Abū Bakr al-Naysābūrī ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad pada kurun ketiga hijrah dan awal kurun keempat.<sup>67</sup> Menurut Dr. Ṣubḥī al-Ṣāleḥ, Abū Bakr al-Naysābūrī merupakan orang pertama yang menyedarkan ahli negeri Baghdad tentang kejahilan mereka dalam ilmu *munāsabah* antara ayat-ayat al-Quran dan beliau juga akan menjawab segala soalan yang ditanya mengenai ilmu tersebut.<sup>68</sup>

Namun begitu, orang yang paling banyak memberi penekanan terhadap ilmu ini ialah Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī.<sup>69</sup> Menurutnya kesenian dan kehalusan al-Quran banyak dilihat melalui hubungan dan ikatan antara ayat-ayatnya.<sup>70</sup> Tetapi orang pertama yang menulis mengenainya ialah Abū Ja‘far Ibn Zubayr Abī Hayyān dalam kitabnya *al-Burhān fī Munāsabah Tartīb Suwar al-Qur’ān*.<sup>71</sup>

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ramaḍhān (1996), *op.cit.*, h. 42.

<sup>68</sup> Ṣubḥī al-Ṣāleḥ (1972), *Mabāithī fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, c.7. Beirut: Dār al-‘Ilm, h. 151.

<sup>69</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h: 451.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h. 452.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 451.

Setelah itu lahir tokoh-tokoh lain seperti Syeikh Burhān al-Dīn al-Biqā'ī, Imam al-Suyūtī, Imām Fakh al-Dīn al-Rāzī dan lain-lain.

Walau bagaimanapun kecenderungan mereka dalam mencari *munāsabah* al-Quran adalah dalam skop yang berbeza. Umpamanya Imām al-Rāzī dan Imām Niżām al-Dīn al-Naysābūrī lebih tertumpu kepada penulisan *munāsabah* antara ayat-ayat al-Quran. Manakala Imām Ibn Zubayr dan Syeikh Abū al-Faḍl al-Ghumārī pula menulis mengenai *munāsabah* antara surah-surah. Dan Imām al-Biqā'ī pula adalah antara ulamak yang menulis mengenai kedua-duanya.<sup>72</sup>

Imām al-Suyūtī pernah menyatakan bahawa beliau menulis *munāsabah* surah dan ayat untuk melihat rahsia penurunan ayat yang begitu sempurna. Lalu beliau membukukannya di dalam *Tanāsuq al-Durār fī Tanāsub al-Āya wa al-Suwar*.<sup>73</sup> Namun begitu para ulamak tetap berselisih pendapat mengenai kewajaran ilmu *munāsabah* dalam al-Quran. Perbezaan antara tertib ayat dalam *muṣḥaf* dan tertib penurunannya juga merupakan antara punca perselisihan ini. Keseluruhannya, pendapat ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

1. menentang sekeras-kerasnya pengajian ilmu *munāsabah* al-Qur'an.
2. *munāsabah* wujud dalam semua keadaan dalam al-Quran.
3. *munāsabah* memang wujud tetapi bukan dalam semua keadaan.
4. melihat *munāsabah* dari aspek yang lebih luas.<sup>74</sup>

<sup>72</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h 116.

<sup>73</sup> Al-Suyūtī (1999), *op.cit.*, h. 451.

<sup>74</sup> Lihat Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 114-116.

### 1.5.1 Pendapat pertama

Pendapat yang menentang keras pengajian ilmu *munāsabah* dengan alasan ia bermain-main dengan *kalām* Allah. Antara ulamak yang menjadi penentang hebat kepada kajian *munāsabah* adalah Imām al-Syawkānī. Beliau menghabiskan lebih dua muka halaman tafsirnya membahaskan masalah ini.<sup>75</sup> Antara pandangan beliau mengenai *munāsabah*:

Kebanyakan mufasir mendatangkan sesuatu ilmu yang bukan berkaitan dengannya. Mereka cuba menyelam di lautan yang mereka tidak tahu berenang. Mereka hanya menghabiskan masa dengan sesuatu yang tidak memberi faedah, bahkan meletakkan diri mereka dalam pekerjaan yang berat lagi menyukarkan... Demikianlah yang terjadi apabila mereka cuba mencari *munāsabāt* antara ayat-ayat al-Quran dan cuba membahaskan susun atur yang wujud di dalam *musḥaf*. Mereka mendatangkan sesuatu yang membebankan dan menyukarkan dalam percubaan menzahirkan kebenaran... Ini hanya menimbulkan syak dan menambahkan keraguan (terhadap al-Quran) bagi orang yang memiliki hati yang sakit...<sup>76</sup>

Ini berlaku apabila Imām al-Syawkānī tidak menemui jalan penyelesaian terhadap kewajaran Allah s.w.t memindahkan perbincangan tentang Adam a.s kepada perbincangan yang lain, iaitu tentang Bani Israil di dalam surah *al-Baqarah*<sup>77</sup>

<sup>75</sup> *Ibid.*, h.114

<sup>76</sup> Muhammad bin ‘Alī bin Muhammād al-Syawkānī (1994), *Fath al-Qadīr*, ‘Abd al-Rahmān ‘Amīrah (ed), j. 1. al-Mansūrah: Dār al-Wafā’, h. 134.

<sup>77</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 114. Lihat Surah al-Baqarah ayat 30-39 perbincangan mengenai Adam dan tentang Bani Israil pada permulaan ayat 40.

### **1.5.2 Pendapat kedua.**

Pendapat ini melihat kewujudan *munāsabah* dalam semua keadaan. Ia didokong oleh Imām al-Rāzī, Imām al-Biqā'i dan Imām Ibn Zubayr.<sup>78</sup> Pandangan Imām al-Rāzī mengenai *munāsabāt* dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan surah *al-Baqarah* di dalam tafsirnya *al-Tafsīr al-Kabīr*.<sup>79</sup> Beliau berkata:

Sesiapa yang memerhatikan bicara surah ini akan mengiktiraf bahawa al-Quran bukan semata-mata mempunyai kelebihan lafaznya yang fasih dan maknanya yang mulia, tetapi ia juga mempunyai keistimewaan dari segi susun bicaranya yang tercenna melalui tertib pengucapan dan susunan ayat-ayatnya. Boleh jadi inilah yang dikatakan al-Quran itu istimewa pada *uslūbnya*.<sup>80</sup>

Pendapat sama turut diketengahkan oleh Imam al-Biqā'i di dalam tafsirnya *Naṣn al-Durār fī Tanāsub al-Āya wa al-Suwar*. Menurut beliau, ilmu *munāsabah* ialah ilmu yang membicarakan mengenai sebab-sebab tertib ayat al-Quran. Keserasian makna-maknanya merupakan rahsia *balāghah* yang terkandung di dalam al-Quran. Ilmu ini amat menarik sekiranya dapat dikaitkan seluruh ayat di dalam sesuatu surah dengan topik-topik surah keseluruhannya.<sup>81</sup>

### **1.5.3 Pendapat ketiga**

Pendapat ini menyatakan bahawa *munāsabah* memang wujud dan ia adalah ilmu yang baik tetapi bukan dalam semua keadaan. Pendapat ini dikemukakan oleh Sultan al-'Ulama 'Iz al-Dīn 'Abd al-Salām. Menurut beliau,

<sup>78</sup> *Ibid.* h. 115.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> Al-Suyū'ī (1999), *op.cit.*, h. 452.

<sup>81</sup> Burhān al-Dīn Abī al-Hasan Ibrāhīm bin Umar al-Biqā'i (1969), *Naṣn al-Durār fī Tanāsub al-Āya wa al-Suwar*, j 1, India: Dā'irah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah, h. 6.

*munāsabah* ialah satu ilmu yang bagus tetapi bicaranya mestilah bertautan antara satu sama lain. Namun begitu sekiranya bicara tersebut terjadi dalam sebab *muzūl* yang berbeza, maka tidak semestinya berlaku *munāsabāt*.<sup>82</sup>

Tambahnya lagi, al-Quran diturunkan sepanjang lebih dari dua puluh tahun dalam keadaan yang berbeza, hukum-hukum yang berbeza, masa-masa yang berbeza dan sebab-sebab yang berlainan antara satu sama lain, manakan mungkin ia saling bertautan antara satu sama lain.<sup>83</sup>

#### 1.5.4 Pendapat keempat

Pendapat ini lebih cenderung untuk melihat *munāsabah* dari aspek yang lebih luas. Pendapat ini dipelopori oleh para ulamak abad ini seperti al-'Allāmah 'Abd al-Hamīd al-Farahī, Dr. 'Abd Allāh Darrāz dan Sayyid Quṭub.<sup>84</sup> Masing-masing melihat *munāsabah* menerusi pandangan dan teori mereka sendiri.

Dr. 'Abd Allāh Darrāz yang dikenali dengan teori pandangan menyeluruh (*al-naẓarāt al-syūmūliyyah*)<sup>85</sup> telah mengemukakan teori tersebut menerusi huraiān beliau mengenai surah *al-Baqarah*. Menurutnya keseluruhan surah ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-muqaddimah*, *al-maqāṣid* (isi penting) dan *al-khātimah*.

<sup>82</sup> Al-Zarkasyī (t.t), *op.cit.*, h. 37.

<sup>83</sup> Al-Suyūṭī (1999), *op.cit.*, h. 452.

<sup>84</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 116.

<sup>85</sup> *Ibid.*

*Al-muqaddimah*: Permulaan surah ini memberi penjelasan mengenai kitab al-Quran yang merupakan petunjuk dan hidayah kepada sesiapa yang tidak meraguinya. Malah turut dinyatakan juga mengenai kelompok yang jauh dari hidayah Allah s.w.t tetapi hanya membiarkan hati mereka berterusan dalam keadaan sakit.

*Al-maqāsid* (isi penting): Menurut beliau surah ini terbahagi kepada empat isi penting utama iaitu:

- (i) Gesaan berdakwah kepada semua manusia supaya memeluk dan menerima Islam sebagai agama.
- (ii) Gesaan berdakwah kepada ahli kitab secara khusus supaya meninggalkan kebatilan dan menerima Islam sebagai agama yang benar.
- (iii) Mempamerkan syariah Islam secara terperinci.
- (iv) Menyatakan larangan-larangan yang bersesuaian dengan agama Islam dan mencegah seseuatu yang bertentangan dengannya.

*Al-khātimah*: Surah ini ditutup dengan pengkhabaran tentang penerimaan masyarakat ketika itu terhadap agama Islam dan ia merupakan petanda kejayaan dakwah ini.<sup>86</sup>

Manakala Sayyid Quṭub pula dikenali dengan teori kesatuan tajuk (*al-wāḥidah al-mawḍū'iyyah*)<sup>87</sup> turut mengemukakan teori beliau dalam penulisan tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Umpamanya beliau telah merakamkan apa yang

<sup>86</sup> Muhammed 'Abd Allāh Darrāz (1960), *al-Naba' al-'Aẓm Naẓarāt Jadīdah fī al-Qur'ān*. Mesir: Mim al-Sa'ādah, h. 159-160. Lihat *ibid.*, h. 159-209.

<sup>87</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff (1996), *ibid.*, h. 116.

terlintas dibenaknya ketika beliau membaca surah-surah yang terkandung dalam juzuk tiga puluh.<sup>88</sup>

Keseluruhan juzuk yang ke tiga puluh termasuk surah *al-Naba'* ini memiliki ciri-ciri tersendiri. Kesemua surahnya merupakan makiyyah kecuali surah *al-Bayyinah* dan surah *al-Naṣr*. Seluruh surah-surah tersebut adalah pendek-pendek dan kependekannya berbeza antara satu sama lain. Tetapi yang paling penting ialah sifatnya yang khusus iaitu kesatuan yang wujud dalam topik-topik perbincangan dan sasarannya, nadanya, bentuk-bentuknya dan penyusunannya serta *uslūbnya*.<sup>89</sup>

Tambahnya lagi:

Metode setiap surah dalam juzuk ini terbentuk dalam nada dan irama yang sama iaitu seruan peringatan seperti sedarlah, bangkitlah, perhatikanlah, pandanglah, fikirkanlah, selidikilah bahawa di sana ada Tuhan, di sana ada Penguasa, di sana ada Pentadbir, di sana ada ujian, di sana ada tanggungjawab, di sana ada perhitungan, di sana ada pembalasan dan di sana ada siksa yang pedih dan kenikmatan yang besar.<sup>90</sup>

Walaupun mereka mempunyai teori yang saling berbeza, namun natijah daripada teori mereka tetap satu, iaitu merumus pandangan terhadap al-Quran secara menyeluruh dan menemukan keseluruhan ayatnya yang mempunyai pelbagai petikan dan tajuk-tajuk kecil di satu tajuk besar serta menemukan juga tajuk-tajuk kecil surah dan keistimewaan setiap surah di satu tajuk besar surah-surah al-Quran secara keseluruhannya.<sup>91</sup>

## 1.6 KESIMPULAN.

Menerusi perbincangan di atas, penulis mendapat ilmu *munāsabah* merupakan satu ilmu yang tidak kurang pentingnya dalam proses mentafsir ayat-

<sup>88</sup> Sayyid Quṭub (1974), *Fī Ḥilāl al-Qur'ān*, j.6. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 3700.

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> Zulkifli Hj Yusoff (1996), *op.cit.*, h. 116.

ayat al-Quran. Walaupun ia kurang mendapat perhatian di kalangan para mufasir berbanding ilmu-ilmu lain, ini bukan bererti ia harus dan terus dipinggirkan. Malah sekiranya diperhati dengan teliti, mencari pertautan antara ayat atau antara surah akan memperlihatkan kesenian aturan ayat-ayat al-Quran dan keindahan yang tersembunyi di sebalik susunan tersebut. Semua ini tidak akan ditemui sekiranya ilmu ini terus dipinggirkan dan tidak diberi perhatian. Walaupun ia tidak setanding ilmu *asbāb al-muzūl* dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran, penguasaan terhadapnya tidak harus diabaikan.